



CIMB Bank Berhad (13491-P)

TERMA DAN SYARAT CIMB BANK BERHAD YANG MENGAWAL CIMB PRIME SOLUTIONS (dahulunya Prime Banking)

1. DEFINISI

1.1. "Bank" ertinya CIMB Bank Berhad.

1.2. "Prime" ertinya CIMB Prime solutions.

1.3. "Mata Bonus" ertinya mata bonus yang diberikan kepada Pelanggan berhubung dengan urusan niaga dan aktiviti yang ditentukan terdahulu atau terpilih, yang ditentukan oleh Bank.

1.4. "Perkhidmatan, Manfaat dan/atau Keistimewaan Prime" ertinya perkhidmatan, manfaat, keistimewaan, kadar faedah akaun perbankan yang diutamakan, produk berstruktur khas yang ditawarkan oleh Bank yang terkandung di sini atau yang mungkin ditawarkan oleh Bank pada bila-bila masa dari semasa ke semasa untuk manfaat Pelanggan di bawah Prime. Senarai penuh dan lengkap Perkhidmatan, Manfaat dan/atau Keistimewaan Prime boleh didapati di <http://prime.cimbbank.com.my>

1.5. "Terma dan Syarat Prime" ertinya terma dan syarat yang dinyatakan di bawah.

1.6. "Pelanggan" ertinya seseorang yang layak yang telah diterima oleh Bank sebagai Pelanggan Prime.

1.7. "Pusat Panggilan CIMB Prime" ertinya pusat panggilan CIMB Prime khusus Bank yang bernombor telefon 1 300 889 800 (atau mana-mana nombor telefon lain yang boleh ditetapkan oleh Bank melalui pemberitahuan kepada Pelanggan) bagi tujuan komunikasi antara Pelanggan dan Bank berhubung dengan perkhidmatan yang disediakan oleh Bank di sini.

2. KRITERIA KELAYAKAN

2.1. Prime adalah melalui pelawaan Bank kepada Pelanggan, berdasarkan kriteria kelayakan baki minimum yang dinyatakan di bawah Klausula 3.1 atau kriteria kelayakan lain yang hendaklah ditentukan mengikut budi bicara Bank pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa, dengan syarat bahawa Bank akan memberikan notis yang mencukupi selama empat belas (14) hari kalendar kepada Pelanggan berhubung dengan apa-apa perubahan.

2.2. Kriteria kelayakan Prime akan dikaji semula pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa oleh Bank dan penerimaan dan penerusan sebagai Pelanggan akan mengikut budi bicara Bank sepenuhnya, dengan syarat bahawa Bank akan memberikan notis yang mencukupi selama empat belas (14) hari kalendar kepada Pelanggan berhubung dengan apa-apa perubahan.

3. BAKI MINIMUM

3.1. Melainkan jika diputuskan selainnya oleh Bank, Pelanggan hendaklah mengekalkan "Baki Minimum" yang ditakrifkan sebagai jumlah agregat minimum Pelaburan dan/atau Deposit sebanyak RM50,000.00 pada setiap masa atau apa-apa amaun lain yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa, yang disimpan dalam mana-mana akaun deposit Bank dan/atau CIMB Islamic Bank Berhad dan/atau dilabur dalam mana-mana produk pelaburan Bank dan/atau CIMB Islamic Bank Berhad, di bawah akaun tunggal atau bersama Pelanggan, yang baginya Pelanggan adalah pemegang akaun utama.

4. PENAMATAN PERKHIDMATAN DAN/ATAU KEISTIMEWAAN PRIME

4.1. Kegagalan untuk mengekalkan Baki Minimum yang dinyatakan dalam Klausa 3.1 boleh membawa kepada penamatan, sekatan atau penggantungan penggunaan Perkhidmatan, Manfaat dan/atau Keistimewaan Prime oleh Pelanggan mengikut budi bicara tunggal Bank setelah memberikan notis yang mencukupi selama empat belas (14) hari kalendar kepada Pelanggan.

4.2. Penamatan penggunaan dan/atau penikmatan Perkhidmatan, Manfaat dan/atau Keistimewaan Prime yang diberikan kepada Pelanggan boleh juga disebabkan oleh yang berikut:

- i. jika Pelanggan melanggar mana-mana terma dan syarat yang terkandung di sini;
- ii. jika berlakunya kematian atau ketidaksiaman Pelanggan atau jika Pelanggan melakukan suatu tindakan kebangkrapan;
- iii. jika terdapat apa-apa perubahan dalam undang-undang atau peraturan yang menjadikannya mustahil atau menyalahi undang-undang bagi Bank untuk terus menyediakan Perkhidmatan, Manfaat dan/atau Keistimewaan Prime;
- iv. oleh Pelanggan dengan memberikan notis bertulis selama satu (1) bulan kepada Bank untuk menamatkan keahlian Prime.

4.3. Walau apa pun dinyatakan di atas atau apa-apa terma dan syarat lain yang terkandung di sini, Bank berhak untuk menamatkan, membatalkan, meminda, mengubahsuai, menyemak, menyekat atau menggantung Manfaat, Perkhidmatan dan/atau Keistimewaan Prime pelanggan setelah memberikan notis yang mencukupi selama empat belas (14) hari kalendar kepada Pelanggan. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa penamatan, pembatalan, pindaan, pengubahsuaian, penyemakan, sekatan atau penggantungan semua atau mana-mana Manfaat, Perkhidmatan dan/atau Keistimewaan Prime tidak akan memberikan hak kepada Pelanggan untuk apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap Bank untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada tindakan penamatan, pembatalan, pindaan, pengubahsuaian, penyemakan, sekatan atau penggantungan, kecuali jika disebabkan oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja Bank.

Selepas penamatan Perkhidmatan, Manfaat dan/atau Keistimewaan Prime, Pelanggan tidak berhak untuk terus menggunakan Perkhidmatan, Manfaat dan/atau Keistimewaan Prime, yang jika gagal berhenti, Bank mempunyai hak untuk mengenakan apa-apa levi, caj atau fi ke atas Pelanggan berkenaan dengan penggunaan berterusan mana-mana Perkhidmatan, Manfaat dan/atau Keistimewaan Prime oleh Pelanggan selepas penamatan tersebut.

4.4. Bank tidak akan, dalam apa-apa jua keadaan, dipertanggungjawabkan untuk apa-apa kerosakan atau kerugian yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan atau mana-mana pihak ketiga, berkenaan dengan (i) penggunaan mana-mana Perkhidmatan, Manfaat dan/atau Keistimewaan Prime oleh pelanggan dan/atau (ii) tindakan Bank dalam menamatkan, membatalkan, meminda, mengubahsuai, menyemak, menyekat atau menggantung Perkhidmatan, Manfaat dan/atau Keistimewaan Prime, kecuali jika disebabkan oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja Bank.

5. MATA BONUS

5.1. Tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung di sini, Pelanggan berhak memperoleh mata bonus berhubung dengan pembelian urus niaga dan aktiviti yang ditentukan terdahulu atau terpilih ("barang, produk dan/atau perkhidmatan yang terlibat") yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa, oleh pelanggan ("Mata Bonus"). Barang, produk dan/atau perkhidmatan yang terlibat dan Mata Bonus yang dapat diperolehi boleh dilihat di <http://prime.cimbbank.com.my>.

5.2. Bank boleh, setelah memberikan notis yang mencukupi selama empat belas (14) hari kalendar: -

- i. menentukan, mengubah, meminda, menggantung dan/atau menarik balik senarai barang, produk dan/atau perkhidmatan yang terlibat atau mana-mana bahagiannya;
- ii. menentukan, mengubah dan/atau meminda Mata Bonus untuk diberikan berhubung dengan mana-mana barang, produk dan/atau perkhidmatan yang dibeli oleh Pelanggan.

5.3. Mata Bonus hanya akan dikira dan diberikan kepada Pelanggan jika Pelanggan adalah pemegang akaun bersama utama/pemohon utama produk yang terlibat sekiranya produk itu di bawah nama bersama.

5.4. Mata Bonus hendaklah dikira dan dijadikan nombor bulat yang rendah ke titik terdekat. Sebagai contoh, bagi urus niaga yang layak untuk diberikan Mata Bonus antara 1.0 hingga 1.9, satu (1) Mata Bonus akan diberikan.

5.5. Mata Bonus, yang dikira atas nama pelanggan, akan diberikan secara bulanan kepada Pelanggan, dengan syarat bahawa pada tarikh pemberian Mata Bonus, Pelanggan tidak melanggar mana-mana terma dan syarat yang terkandung di sini.

5.6. Kelayakan pelanggan untuk menggunakan atau menikmati Mata Bonus yang diberikan hendaklah tertakluk kepada semua terma dan syarat Katalog Ganjaran Ahli yang boleh dilihat, dengan syarat bahawa Mata Bonus adalah sah dan belum tamat tempoh atau ditamatkan oleh Bank.

5.7. Kecuali jika dinyatakan sebaliknya oleh Bank, Mata Bonus yang diberikan oleh Bank tidak boleh dipindah kepada mana-mana pihak lain, ditebus atau ditukar dengan Bank untuk wang tunai atau untuk apa-apa barang, produk atau perkhidmatan lain.

5.8. Butir-butir Mata Bonus yang dikira dan diberikan akan dipaparkan dalam akaun pelanggan melalui CIMB Clicks dan dicetak dalam penyata bulanan dan/atau penyata disatukan bulanan Bank yang dikeluarkan kepada Pelanggan.

5.9. Mata Bonus yang diberikan di bawah Prime akan dikumpulkan dengan mata bonus yang direkodkan berhubung dengan urusan niaga yang dilaksanakan di bawah CIMB Bank Debit MasterCard pelanggan, dan jumlah agregat mata bonus boleh dilihat melalui CIMB Clicks atau melalui penyata bulanan/Penyata Disatukan Bank. Bagi mengelakkan keraguan, mata bonus yang diperoleh daripada urusan niaga menggunakan kad kredit yang dikeluarkan oleh CIMB Bank TIDAK dikumpulkan dengan mata bonus yang diberikan di bawah Prime. Mata bonus yang diperoleh daripada urusan niaga kad kredit boleh dilihat secara berasingan dalam penyata kad kredit bulanan yang dihantar kepada Pelanggan.

5.10. Pelanggan dikehendaki untuk mengkaji semula urusan niaga yang direkodkan dalam penyata bulanan dan/atau penyata disatukan bulanan yang dihantar melalui pos kepada Pelanggan dan/atau dijadikan tersedia secara dalam talian melalui CIMB Clicks dan hendaklah memberitahu Bank secara bertulis dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh hantaran penyata secara dalam talian dan/atau tarikh pengeluaran penyata bulanan Bank dan/atau penyata disatukan bulanan Bank mengenai apa-apa pertikaian yang berhubung dengan kesilapan, percanggahan, pengiraan salah, rekod tidak betul atau entri yang salah atau apa-apa pertikaian lain yang berkaitan dengan Mata Bonus yang dikira dan/atau diberikan oleh Bank, yang jika gagal, entri yang terkandung di dalam penyata bulanan Bank dan/atau penyata disatukan bulanan Bank hendaklah disifatkan sebagai muktamad, konklusif dan mengikat Pelanggan.

6. PENEBUSAN MATA BONUS

6.1. Mata Bonus hanya boleh ditebus oleh Pelanggan untuk barang, produk atau perkhidmatan yang ditetapkan oleh Bank yang disenaraikan dalam Katalog Ganjaran Ahli selepas Mata Bonus telah diberikan oleh Bank.

7. PERKHIDMATAN, MANFAAT DAN/ATAU KEISTIMEWAAN PRIME

7.1. Bank boleh, dari semasa ke semasa, menawarkan Perkhidmatan, Manfaat dan/atau Keistimewaan Prime yang lain. Penggunaan Perkhidmatan, Manfaat dan/atau Keistimewaan Prime oleh pelanggan, yang ditawarkan di bawah Prime, hendaklah disifatkan sebagai



CIMB Bank Berhad (13491-P)

persetujuan pelanggan terhadap Terma dan Syarat Prime. Terma dan Syarat Prime telah dijadikan tersedia kepada Pelanggan dan boleh diakses secara dalam talian di laman web Bank di <http://prime.cimbbank.com.my>.

7.2. Bank berhak, setelah memberikan notis yang mencukupi selama empat belas (14) hari kalendar kepada Pelanggan, untuk bebas menetapkan, mengenakan, menambah, mengubah, menamatkan, meminda, mengubahsuai, menyemak, menyekat atau menggantung semua atau mana-mana Perkhidmatan dan Keistimewaan Prime yang telah dijadikan tersedia atau akan dijadikan tersedia, kepada Pelanggan.

7.3. Bank berhak, setelah memberikan notis yang mencukupi selama empat belas (14) hari kalendar, untuk menetapkan terma dan syarat selanjutnya sebelum Pelanggan dibenarkan untuk menikmati atau mengambil Perkhidmatan, Manfaat dan/atau Keistimewaan Prime yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

7.4. Pelanggan terikat dengan terma dan syarat semasa produk perbankan, perkhidmatan, pelaburan, keistimewaan dan program masing-masing di samping terma dan syarat yang terkandung di sini.

8. PENYATA DISATUKAN

8.1 Jika Pelanggan mempunyai pelbagai akaun yang mempunyai alamat surat-menyurat yang sama, akaun-akaun tersebut akan disatukan di bawah satu penyata ("Penyata Disatukan").

8.2 Hanya akaun yang terlibat yang baginya Pelanggan adalah pemegang akaun utama akaun tunggal atau bersama, akan disatukan di bawah Penyata Disatukan.

8.3 Penyata disatukan akan dihantar melalui pos ke alamat surat-menyurat pelanggan pada setiap bulan. Sekiranya Pelanggan tidak ingin menerima Penyata Disatukan, Pelanggan hendaklah memberitahu Bank dengan menghubungi Pusat Panggilan CIMB Prime di talian 1300 889 800.

9. KOMUNIKASI ARAHAN

9.1. Pelanggan bersetuju secara nyata dan memberikan kebenaran yang tidak boleh ditarik balik kepada Bank untuk bertindak atas arahan Pelanggan yang diberikan melalui telefon, pos dan/atau faksimili, yang Bank, mengikut budi bicara tunggal dan mutlaknyanya, percaya datang daripada Pelanggan, tertakluk kepada Pelanggan:

- i. memberikan indemniti kepada Bank dalam apa-apa bentuk dan kandungan sebagaimana yang ditentukan oleh Bank; dan
- ii. atas pematuhan tegas terhadap terma dan syarat indemniti tersebut.

9.2. Untuk memastikan bahawa Bank melaksanakan arahan dengan tepat, semua panggilan telefon antara Bank dan Pelanggan adalah direkod. Bank juga boleh memonitor panggilan dengan objektif untuk meningkatkan perkhidmatannya.

9.3. Pelanggan tidak boleh menganggap Bank bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian atau kerosakan yang mungkin ditanggung oleh Pelanggan secara langsung atau tidak langsung, yang berbangkit daripada atau berkaitan dengan apa-apa perkhidmatan akibat daripada apa-apa sebab yang tidak berpunca daripada Bank termasuk tetapi tidak terhad kepada kerosakan atau kepincangan tugas komputer, talian sambungan terminalnya, sistem pemprosesan data atau talian penghantaran atau apa-apa kelengkapan lain, sama ada kepunyaan Bank atau tidak, percubaan tindakan keganasan atau yang sebenar, letusan wabak, bencana alam atau apa-apa keadaan di luar kawalan Bank.

9.4. Atas permintaan Pelanggan untuk memberikan maklumat yang berkaitan dengan akaun pelanggan, kadar pertukaran atau kadar faedah melalui telefon, teleks atau faksimili, Bank boleh mengikut budi bicara tunggalnya menyampaikan maklumat tersebut. Maklumat/kadar tersebut, jika disampaikan melalui telefon, tidak akan mengikat Bank kecuali jika disahkan kemudiannya secara bertulis oleh Bank.

9.5. Bank diberi kuasa untuk bergantung kepada dan bertindak atas arahan yang diterima oleh Bank daripada Pelanggan melalui telefon, telefon bimbit (termasuk SMS atau MMS yang dihantar daripada telefon bimbit yang dimaklumkan oleh Pelanggan dalam rekod Bank), teleks, faksimili atau cara telekomunikasi yang lain ("Arahan Telekomunikasi"), dan Pelanggan bersetuju bahawa Bank diberi kuasa untuk menganggap apa-apa Arahan Telekomunikasi, yang Bank mengikut budi bicara tunggalnya percaya datang daripada Pelanggan (selepas mengambil langkah yang munasabah untuk mengesahkan identiti orang yang memberikan atau sumber Arahan Telekomunikasi) sebagai dibenarkan sepenuhnya oleh Pelanggan, dan bergantung kepada dan bertindak atasnya dengan sewajarnya, dan Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan untuk apa-apa kerugian atau kerosakan yang berbangkit sekiranya Arahan Telekomunikasi tersebut sebenarnya datang daripada individu yang tidak diberi kuasa, kecuali jika disebabkan oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja Bank.

9.6. Pelanggan berjanji untuk memastikan Bank dan para pengarah, pegawai, pekerja, ejen dan wakilnya ("Wakil Bank") dilindungi daripada semua tuntutan, permintaan, tindakan, prosiding, ganti rugi, (sama ada secara langsung atau tidak langsung), kerugian (termasuk kerugian turutan), kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Bank dan/atau Wakil Bank yang berbangkit daripada apa-apa yang dilakukan atau tidak dilakukan menurut mana-mana arahan yang diberikan oleh Pelanggan, kecuali jika disebabkan oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja Bank.

9.7. Walau apa pun yang terkandung di sini, Bank tidak diwajibkan untuk menerima dan bertindak atas Arahan Telekomunikasi untuk: - mengubah mandat akaun; - menukar penandatanganan yang diberi kuasa; - memberi Surat Kuasa Wakil kepada orang/entiti lain; -

mengubah arahan pembayaran; atau - menutup akaun dan memindahkan baki yang tertinggal daripada akaun pelanggan.

9.8. Bank boleh, mengikut budi bicaranya, memperkenalkan langkah keselamatan selanjutnya untuk memastikan, sejauh mungkin, bahawa Arahan Telekomunikasi dibenarkan oleh Pelanggan.

9.9. Pemegang akaun bersama mana-mana akaun dengan Bank (yang bukan Pelanggan) tidak dibenarkan untuk melakukan apa-apa urusan niaga/pertanyaan melalui perbankan telefon Prime Call Center. Walau bagaimanapun, Bank boleh membenarkan pemegang akaun bersama untuk melaksanakan apa-apa urusan niaga/pertanyaan dengan kebenaran bertulis terdahulu oleh pemegang akaun utama.

9.10. Pelanggan hendaklah mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mengelakkan penggunaan tanpa kebenaran dan secara palsu PIN, kata laluan dan/atau mekanisme keselamatan, kod akses, ciri-ciri atau peranti lain yang berkaitan dengan mana-mana akaunnya yang dikendalikan dengan Bank (selepas ini dirujuk sebagai "Kod Akses Keselamatan"). Pelanggan hendaklah memastikan bahawa Kod Akses Keselamatan tidak ditunjukkan atau didedahkan kepada mana-mana orang lain.

10. KLAUSA PRIVASI

10.1 Pelanggan dengan ini mengesahkan bahawa Pelanggan telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi Kumpulan CIMB (yang boleh didapati di www.cimbbank.com.my atau www.cimbislamic.com) dan klausa-klausa yang terkandung di sini, yang berkaitan dengan pemprosesan maklumat peribadi pelanggan. Untuk mengelakkan keraguan, Pelanggan bersetuju bahawa Notis Privasi tersebut hendaklah disifatkan sebagai dimasukkan secara rujukan ke dalam Terma dan Syarat yang terkandung di sini.

10.2 Sekiranya Pelanggan memberikan maklumat peribadi dan kewangan yang berkaitan dengan pihak ketiga, termasuk maklumat yang berkaitan dengan waris dan tanggungan pelanggan ("pihak ketiga"), bagi tujuan pembukaan atau pengendalian akaun pelanggan/kemudahan dengan Bank atau selainnya persetujuan membeli produk dan perkhidmatan Bank, Pelanggan dengan ini (a) mengesahkan bahawa Pelanggan telah mendapat kebenaran pihak ketiga atau selainnya berhak memberikan maklumat peribadi dan kewangan pihak ketiga kepada Bank, dan bagi Bank untuk menggunakannya mengikut Terma dan Syarat yang terkandung di sini; (b) bersetuju untuk memastikan bahawa maklumat peribadi dan kewangan pihak ketiga itu adalah tepat; (c) bersetuju untuk memberitahu Bank secara bertulis sekiranya terdapat apa-apa perubahan penting kepada maklumat peribadi dan kewangan pihak ketiga; dan (d) bersetuju dengan hak Bank untuk menamatkan Terma dan Syarat yang terkandung di sini dan/atau perkhidmatan, faedah dan/atau keistimewaan CP, selepas pemberitahuan terdahulu kepada Pelanggan, sekiranya kebenaran tersebut ditarik balik oleh mana-mana pihak ketiga.

10.3 Sekiranya Pelanggan mengarahkan Bank untuk melaksanakan apa-apa jenis urusan niaga rentas sempadan (termasuk membuat atau menerima pembayaran), butiran yang relevan untuk urusan niaga rentas sempadan (termasuk maklumat yang berkaitan dengan mereka yang terlibat dalam urusan niaga tersebut) boleh diterima dari atau dihantar ke luar negara, yang boleh diakses (sama ada secara langsung atau tidak langsung) oleh badan kawal selia dan pihak berkuasa luar negeri berhubung dengan tugas sah mereka (contohnya pencegahan jenayah). Dalam mengarahkan Bank dan/atau ejen Bank untuk menjalankan apa-apa urusan niaga rentas sempadan bagi pihak pelanggan, Pelanggan bersetuju dengan pendedahan yang tersebut di atas bagi pihak Pelanggan dan pihak lain yang terlibat dalam urusan niaga rentas sempadan itu.

10.4 Bank boleh pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa, kini dan/atau pada masa hadapan, menjalankan pemeriksaan rujukan yang diperlukan termasuk tetapi tidak terhad kepada agensi pelaporan/rujukan kredit, termasuk tetapi tidak terhad kepada CCRIS, FIS dan/atau mana-mana agensi lain dan/atau daripada mana-mana institusi kewangan untuk membolehkan Bank untuk memastikan status pelanggan yang diperlukan untuk membantu membuat keputusan, contohnya apabila Bank perlu (a) memeriksa butir-butir mengenai permohonan kredit dan kemudahan kredit dan yang berkaitan dengan kredit atau kemudahan lain; (b) menguruskan akaun dan kemudahan kredit dan yang berkaitan dengan kredit, termasuk menjalankan kajian semula terhadap portfolio pelanggan; memungut hutang; dan/atau apa-apa tujuan yang berkaitan atau berhubung dengan akaun/kemudahan di bawah terma dan syarat yang terkandung di sini. Agensi pelaporan/rujukan kredit akan mengaitkan Pelanggan kepada apa-apa nama lain yang digunakan atau yang telah digunakan oleh Pelanggan dan mana-mana pemohon bersama dan berasingan. Bank juga boleh berkongsi maklumat mengenai Pelanggan dan bagaimana Pelanggan menguruskan akaun/kemudahan pelanggan dengan agensi pelaporan/rujukan kredit.

10.5 Pelanggan selanjutnya bersetuju bahawa Bank dalam mana-mana keadaan tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa tuntutan, kerugian, ganti rugi (kewangan dan selainnya), kecederaan, kesesakan wang atau liabiliti dengan apa cara sekalipun yang berbangkit sama ada dalam kontrak, tort, kecuai, liabiliti ketat atau apa-apa dasar (termasuk ganti rugi langsung atau tidak langsung, khas, bersampingan, lanjutan atau punitif atau kehilangan keuntungan atau simpanan) yang berbangkit daripada apa-apa ketidaktepatan atau kehilangan, penghapusan atau pengubahsuaian data atau atas apa-apa jua sebab lain yang berkaitan dengan apa-apa maklumat yang dihantarkan oleh Bank kepada agensi pelaporan/rujukan kredit dan/atau mana-mana pihak lain, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau berhubung dengan apa-apa akses atau penggunaan, atau ketidakmampuan untuk mengakses atau menggunakan, oleh agensi pelaporan/rujukan kredit dan/atau pihak lain tersebut atau pergantungan kepada maklumat yang terkandung di dalamnya, sama ada disebabkan oleh apa-apa jenis kegagalan teknikal, perkakasan atau perisian, sampukan, kesilapan, peninggalan, kelewatan, virus atau selainnya dengan apa cara sekalipun.

10.6 Walaupun selepas Pelanggan telah memberikan apa-apa maklumat kepada Bank, Pelanggan akan mempunyai pilihan untuk menarik balik kebenaran yang diberikan sebelumnya. Dalam keadaan sedemikian, Bank mempunyai hak untuk tidak menyediakan atau menghentikan penyediaan mana-mana produk, perkhidmatan, akaun dan/atau kemudahan yang berkaitan dengan maklumat tersebut.

10.7 Bagi tujuan Klausula ini, Kumpulan CIMB terdiri daripada CIMB Group Holdings Berhad dan semua syarikat yang berkaitan dengannya seperti yang ditakrifkan dalam Seksyen 7 Akta Syarikat 2016, dan syarikat-syarikat kawalan bersama yang menyediakan perkhidmatan kewangan dan lain-lain perkhidmatan yang dikawal selia, tidak termasuk syarikat, cawangan, pejabat dan bentuk kehadiran lain yang beroperasi di luar Malaysia, dan penggunaan perkataan "Bank" hendaklah dibaca sebagai rujukan kepada Kumpulan CIMB.

10.8 Klausula ini hendaklah tidak menjejaskan apa-apa klausula lain dalam terma dan syarat akaun deposit pelanggan di Bank dan/atau CIMB Islamic dan/atau produk pelaburan yang dibuat dengan Bank dan/atau CIMB Islamic yang relevan yang memperuntukkan pendedahan maklumat.

11 NOTIS PENTING

11.1 Bank berhak, setelah memberi notis terdahulu selama tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar, untuk mengubah, menambah, menghapus atau meminda mana-mana Terma dan Syarat yang terkandung di sini dari semasa ke semasa. Pemberitahuan kepada Pelanggan berkenaan dengan apa-apa perubahan, penambahan, penghapusan atau pindaan ("Pindaan") tersebut hendaklah dilaksanakan mengikut budi bicara mutlak Bank melalui mana-mana satu cara komunikasi berikut, iaitu melalui: (i) paparan di premis dan laman web Bank berhubung dengan Pindaan, yang berkenaannya peruntukan terperinci boleh diberikan dalam notis itu sendiri atau boleh diberikan kepada Pelanggan atas permintaannya; atau (ii) dengan notis yang dihantar oleh Bank ke alamat terakhir pelanggan yang diketahui; atau (iii) diiklankan dalam satu akhbar pilihan Bank; atau (iv) melalui mel elektronik atau perkhidmatan pesanan ringkas atau dengan apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh Bank, dan Pindaan hendaklah disifatkan sebagai mengikat Pelanggan dari tarikh pemberitahuan Pindaan atau dari tarikh lain yang boleh dinyatakan oleh Bank dalam pemberitahuan itu.

11.2 Pelanggan mengakui bahawa Perkhidmatan, Manfaat dan/atau Keistimewaan Prime adalah bersifat persendirian dan tidak boleh dipindah milik.

11.3 Semua penyata akaun yang dihantar melalui pos kepada Pelanggan di alamat terakhir yang diketahui yang dinyatakan dalam rekod Bank, hendaklah disifatkan sebagai telah diterima oleh Pelanggan dengan sempurna dalam tempoh tiga (3) hari selepas pengeposan.

11.4 Pelanggan hendaklah dengan segera memberitahu Bank secara bertulis dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penerimaan penyata akaun daripada Bank oleh Pelanggan, apa-

apa peninggalan, entri yang tidak betul, debit yang salah dibuat, kesilapan, percanggahan atau ketidaktepatan dalam apa-apa jua bentuk dalam penyata akaun, yang sekiranya gagal, Pelanggan hendaklah disifatkan sebagai telah menerima entri yang terkandung di dalamnya sehingga tarikh entri terakhir dalam penyata akaun sebagai betul, muktamad, konklusif, dan ia hendaklah mengikat Pelanggan dan Pelanggan akan dihalang daripada membuat apa-apa tuntutan terhadap Bank dengan mendakwa bahawa penyata akaun yang dikeluarkan oleh Bank mengandungi apa-apa peninggalan, entri tidak betul, debit yang dibuat dengan salah, kesilapan, percanggahan atau entri tidak tepat.

11.5 Masa menjadi asas dalam kandungan di sini tetapi kegagalan Bank dalam menjalankan atau menanggungkan perjalanan atau menguatkuasakan hak, kuasa, keistimewaan atau remedi terhadap Pelanggan tidak akan beroperasi sebagai penepiannya, dan apa-apa perjalanan separa mana-mana hak, kuasa, keistimewaan atau remedi tidak akan membawa prejudis atau memberikan kesan kepada hak Bank untuk bertindak dengan tegas menurutnya pada masa kemudian.

11.6 Kesalahan di sisi undang-undang, ketaksahan atau keadaan tidak boleh dikuatkuasakan mana-mana Terma dan Syarat yang terkandung di sini tidak akan menjejaskan kesahihan, kesahan atau penguatkuasaan mana-mana Terma dan Syarat lain yang terkandung di sini.

11.7 Terma dan Syarat yang terkandung di sini hendaklah dari semasa ke semasa tertakluk kepada, dikawal dan ditafsir menurut undang-undang Malaysia dan kaedah, peraturan dan garis panduan Bank Negara Malaysia, Persatuan Bank-Bank dalam Malaysia dan badan-badan lain yang berkaitan. Pelanggan berserah kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

11.8 Walau apa pun yang terkandung di sini, hak dan kelayakan Bank di bawah Terma dan Syarat yang terkandung di sini hendaklah terus berkuat kuasa dan berkesan dan hendaklah terus wujud selepas mana-mana penamatan atau penggantungan Perkhidmatan, Manfaat dan/atau Keistimewaan Prime oleh Bank.

11.9 Terma dan Syarat yang terkandung di sini hendaklah terus menjadi sah dan mengikat walaupun terdapat apa-apa pemindahan, penggabungan, penyatuan atau penyerahan hak perniagaan, operasi, aset atau liabiliti Bank atau apa-apa perubahan dalam Bank atau mana-mana syarikat yang melaluinya perniagaan Bank dilaksanakan buat masa ini.

11.10 Terma dan Syarat yang terkandung di sini hendaklah sebagai tambahan kepada, dan tidak menjejaskan, apa-apa perkiraan khusus berkenaan dengan penggunaan Perkhidmatan, Manfaat dan/atau Keistimewaan Prime yang wujud antara Bank dan Pelanggan pada masa kini atau selepas ini, atau apa-apa terma dan syarat yang dinyatakan dalam mana-mana surat yang diberikan oleh Bank kepada Pelanggan dari semasa ke semasa.

11.11 Terma dan Syarat yang terkandung di sini akan mengikat waris, wakil diri dan pengganti hak milik Bank dan Pelanggan masing-masing, dan hak dan obligasi Pelanggan yang terkandung di sini tidak boleh diserahkan hak atas apa-apa jua sebab.

11.12 Terma dan Syarat yang terkandung di sini akan menggantikan semua terma dan syarat, kaedah dan peraturan, perjanjian atau perkiraan sebelum ini, jika ada, yang dibuat antara Bank dengan Pelanggan, sama ada secara bertulis atau secara lisan, berkenaan dengan Perkhidmatan dan/atau Keistimewaan Prime.

11.13 Sekiranya terdapat apa-apa perkara yang tidak konsisten, konflik, ambiguiti atau percanggahan antara versi Terma dan Syarat ini dalam Bahasa Inggeris atau mana-mana versi bahasa lain, versi Bahasa Inggeris akan mengatasi yang lain. Walau apa pun yang dinyatakan di atas, sekiranya permintaan dibuat oleh Pelanggan untuk versi Terma dan Syarat dalam Bahasa Melayu yang terkandung di sini, Bank hendaklah menyediakannya dan membenarkan Pelanggan untuk melengkapkan borang yang berkaitan dan menandatangani perjanjian dalam Bahasa Melayu, dan borang dan perjanjian yang disempurnakan dan ditandatangani dalam Bahasa Melayu hendaklah menjadi asas kontrak antara Bank dengan Pelanggan.

11.14 Terma dan Syarat yang terkandung di sini adalah tambahan dan tertakluk kepada perjanjian dan/atau terma dan syarat yang mengawal operasi, perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan berhubung dengan dan/atau yang berbangkit di bawah akaun deposit dan/atau pelaburan relevan Pelanggan yang dikendalikan dengan Bank.

12 PENGENDALIAN ADUAN

12.1 Untuk maklumbalas dan/atau aduan, Pelanggan boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB di alamat dan nombor telefon berikut (atau alamat dan nombor telefon lain yang boleh diubah oleh CIMB melalui pemberitahuan kepada Pelanggan):

Unit Resolusi Pelanggan,
Peti Surat 10338, GPO Kuala Lumpur
50710 Wilayah Persekutuan
Tel: +603 6204 7788
Alamat e-mel: cru@cimb.com

12.2 Untuk apa-apa pertanyaan lain, sila lawati mana-mana cawangan Bank di seluruh negara atau hubungi kami di 1300 889 800.